

Ap bantu pelajar, pelawat NYP cari tempat di kampus

DENGAN lebih 25 bangunan di serata kampus, pelajar tahun pertama Politeknik Nanyang (NYP) dan pengunjung ke politeknik itu lazimnya menghadapi masalah mencari dewan kuliah atau sebuah bangunan tertentu.

Justeru Sekolah Kejuruteraan NYP dengan sokongan dana Penguasa Tanah Singapura membangunkan aplikasi Sistem Navigasi Kampus Politeknik Nanyang awal tahun ini dan ia akan diperkenalkan dalam beberapa bulan mendatang.

Sistem yang menggunakan analitik berdasarkan lokasi menyediakan peta terperinci kampus politeknik berkenaan.

Selain keupayaannya mencari lokasi dewan kuliah, bilik pembelajaran dan kemudahan lain, sistem itu juga boleh menunjukkan arah ke destinasi menggunakan laluan paling mudah.

Keupayaan sistem tidak hanya terhad antara dua tempat di aras yang sama malah boleh memanfaatkan lif, tangga bergerak dan tangga bagi menawarkan panduan perjalanan mudah ke serata kampus.

Kakitangan dan pelajar NYP berupaya menggunakan khidmat ini menerusi aplikasi Intranet.

Pengunjung yang diberi akses Wi-Fi di kampus itu juga boleh memanfaatkan khidmat ini. Mereka hanya perlu mengimbas kod QR semasa melungsur sistem Wi-Fi di kampus itu.

Politeknik Nanyang menerima lebih 4,000 pelajar baru dan pengunjung setiap tahun. Dengan tujuh sekolah berbeza dan 30 jabatan korporat, mereka yang tidak biasa dengan kampus ini boleh menghadapi kesulitan mencari tempat yang mahu dituju kata Timbalan Pengerus Sekolah Kejuruteraan NYP, Dr Kong Wai Ming.



MUDAHKAN PERJALANAN: Sistem Navigasi Kampus Politeknik Nanyang boleh membantu pengguna mencari destinasi di kampus dengan mudah. – Foto NYP

“Bagi pelajar Sekolah Kejuruteraan NYP usaha membangunkan sistem ini memberi peluang kepada mereka menerapkan teknologi untuk mencari huraian bagi masalah harian,” ujar beliau.

Dr Kong menambah bahawa pangkalan data yang dikumpul sistem itu boleh digunakan untuk projek analitik lokasi di kampus pada masa depan.

Contohnya, NYP kini sedang membangun sistem navigasi kampus bersepadu yang disediakan bagi golongan buta. Sistem ini akan memberikan penerangan audio mengenai laluan yang disarankan semasa pengguna dibawa ke destinasi yang dikehendaki.